



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ADMINISTRATION OF OATH [Col. 655]

ANNOUNCEMENT BY Mr. PRESIDENT:

Reply of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong to Address
from the Senate [Col. 655]

Message from the House of Representatives [Col. 657]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 658]

MOTIONS—

Death of Tun Tan Cheng-Lock, S.M.N., D.P.M.J. (Message of
Condolence [Col. 661])

Adjournment to a later Day [Col. 667]

BUSINESS OF THE SENATE [Col. 668]


BILLS—

The Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill [Col. 668]

The Employees' Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill
[Col. 670]

The Income Tax (Amendment) (No. 2) Bill [Col. 688]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 699]



FEDERATION OF MALAYA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Official Report

Vol. II

Second Session of the First Dewan Negara

No. 10

Wednesday, 21st December, 1960

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. President (DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- .. the Minister of Justice (TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.) (Appointed).
- .. TUAN HAJI ABBAS BIN HAJI MOHAMED (Trengganu).
- .. ENCHE' ABDUL HAMID BIN MAHMUD, J.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' AHMAD BIN SAID, A.M.N. (Perak).
- .. ENCHE' A. M. ABU BAKAR, J.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- .. ENCHE' CHAN KWONG HON, A.M.N., J.P. (Selangor).
- .. ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).
- .. ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).
- .. ENCHE' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P. (Appointed).
- .. ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).
- .. ENCHE' HASHIM BIN AWANG, J.P. (Penang).
- .. ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).
- .. DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- .. ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' MOHD. SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
- .. ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., P.J.K. (Appointed).
- .. ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).
- .. ENCHE' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. ADEEB BIN HAJI NIK MOHAMED (Kelantan).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
- .. RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
- .. DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- .. DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).

The Honourable **TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N.**
(Kedah).

- „ **ENCHE' T. H. TAN, J.M.N.** (Appointed).
 „ **ENCHE' S. O. K. UBAIDULLA** (Appointed).
 „ **ENCHE' WAN AHMAD BIN WAN DAUD, P.J.K., J.P.** (Perlis).
 „ **ENCHE' YAP KHEN VAN, A.M.N., J.P.** (Pahang).
 „ **ENCHE' YEOH KIAN TEIK** (Perak).
 „ **ENCHE' ABDULLAH BIN ISHAK** (Perlis).

ABSENT:

- The Honourable **DATO' DR. CHEAH TOON LOK, J.M.N., J.P., Dato' Maha Kurnia** (Nominated).
 „ **ENCHE' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL** (Kedah).
 „ **ENCHE' ATHI NAHAPPAN** (Nominated).
 „ **DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P.** (Nominated).
 „ **DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., J.P., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai** (Pahang).

IN ATTENDANCE:

- The Honourable the Prime Minister, **Y. T. M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.** (Kuala Kedah).
 „ the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, **TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N.** (Pekan).
 „ the Minister of Health and Social Welfare, **DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N.** (Ulu Selangor).
 „ **TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister** (Kota Star Utara).

PRAYERS

(Mr. President *in the Chair*)

ADMINISTRATION OF OATH

The following Senator made and subscribed the Affirmation required by Law:

Enche' Abdullah bin Ishak.

ANNOUNCEMENTS BY MR. PRESIDENT

REPLY OF HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG TO ADDRESS FROM THE SENATE

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, ada-lah saya mema'alumkan dengan sukachita-nya ia-itu Baginda Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan

Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong, telah sudi menjawab perutusan Uchapan Tahniah yang telah di-persembahkan kapada Baginda oleh Dewan ini atas lantekan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu. Saya bachakan perutusan ini:

“Warakatul-ikhlas daripada beta Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu.

Mudah²an barang di-wasalkan oleh Rabul 'Alamin ka-majlis Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin, Yang di-Pertua Dewan Negara Persekutuan Tanah Melayu dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Ehwal beta ma'alumkan ada-lah warkah Dato' yang bertarikh 4 hari-bulan October, 1960 itu telah selamat-lah beta terima. Beta mengucapkan

terima kasih banyak² kepada Dato' dan sa-kalian Ahli Dewan Negara kerana sembah tahniah yang ikhlas di atas lantekan beta menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan amat-lah sukachita beta di-atas ikrar ta'at setia Dato' dan sa-kalian Ahli Dewan Negara kepada beta.

Demikian-lah sahaja beta ma'alumkan, ada-nya.

Termaktub pada 12 haribulan October, 1960."

MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTATIVES

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, satu perutusan telah di-terima daripada Dewan Ra'ayat berkenaan dengan Rang Undang² yang telah diluluskan oleh Dewan Ra'ayat. Setia-Usaha Majlis akan membachakan perutusan itu:

Whereupon the Clerk read the following message dated 6th December, 1960:

"Mr. President,

The House of Representatives has passed the following Bills—

- (1) Bill to amend the Pineapple Industry Ordinance, 1957,
- (2) Bill to regulate the borrowing powers and guarantees of public authorities,
- (3) Bill to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year ending on the thirty-first day of December, 1961,
- (4) Bill to amend the Employees Provident Fund Ordinance, 1961,
- (5) Bill to repeal the Importation of Yen Ordinance,
- (6) Bill to amend the Income Tax Ordinance, 1947,

and transmit them to the Senate for its concurrence.

(Signed) Speaker"

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

Irian Barat

1. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Perdana Menteri apakah tujuan dan faedah-nya beliau sanggup hendak menjadi orang tengah untok mendamaikan perbalahan antara Belanda dengan Indonesia atas perkara Irian Barat dan bukan-kah perjalanannya ka-Amerika, ka-England dan ka-Belanda itu akan menghabiskan wang ra'ayat.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, saya suka menjawab bahawa yang saya sanggup menjadi orang tengah di-atas soal Irian Barat ia-lah yang pertamanya dengan kehendak pehak Indonesia, yang kedua-nya dengan tujuan hendak menyelesaikan pergadohan yang telah berbangkit sa-lama 12 tahun itu, dan dengan ada-nya pula bahaya yang membangkitkan kejadian yang kita tidak ingini dalam Tenggara Asia ini. Jawapan yang sa-penoh-nya saya telah keluarkan dalam persidangan Dewan Ra'ayat, saya perchaya Ahli Yang Berhormat telah membacha-nya. Oleh itu, tidak-lah payah saya jawab dengan panjang lebar.

Berkenaan dengan belanja pergi ka-Amerika bukan-lah sa-mata² dengan kerana hendak menjalankan kewajipan ini, tetapi saya pergi menunaikan jempunan daripada Perdana Menteri Canada, Tuan Diefenbaker, yang telah melawat negeri kita dahulu dan juga menunaikan jempunan President Eisenhower. Dan dalam perjalanan kembali itu saya singgah di-London ia-lah menjadi tetamu khas bagi Kerajaan United Kingdom dan masa saya pergi ka-Belanda itu ia-lah dalam perjalanan saya kembali dan perbelanjaan itu adalah di-tanggung oleh Kerajaan Belanda, dan perbelanjaan yang dikeluarkan itu ia-lah satu pekerjaan yang ta' dapat tiada kena di-jalankan sentiasa, kerana kita hendak mengadakan perhubungan muhibbah antara negeri kita dengan lain² negeri.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan mengapa

Yang Berhormat Perdana Menteri lekas merajok sa-sudah menchampori dan mengambil berat hal ini, mengikut keterangan-nya ia-lah di-minta oleh pihak Indonesia, tetapi beliau lekas merajok. Pada hal kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Perdana Menteri itu, Duta Indonesia di-Malaya sudah pun pergi ka-Indonesia membawa laporan daripada Yang Berhormat Perdana Menteri mengenai dengan perkara tersebut, jadi, sa-belum laporan itu mendapat jawapan, sangat-lah kita kesalkan tentang sikap yang di-ambil oleh Yang Berhormat Perdana Menteri itu.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, yang saya merajok itu, kerana saya belum hantar laporan, dia sudah maki saya (*Ketawa*) (*Tepok*).

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, maki yang di-maksudkan itu semua-nya datang daripada akhbar, dan tidak-lah berkait dengan pemerintah Indonesia sendiri. Sa-bagai kenyataan telah bakti ia-itu "Message" daripada President Soekarno terang² menunjukkan bahawa ada penghargaan usaha Yang Berhormat Perdana Menteri itu.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, surat-khabar Indonesia dengan surat-khabar Tanah Melayu ada-lah berlainan, kerana surat-khabar di-Indonesia itu di-kawal (control) oleh Kerajaan Indonesia. Jadi apa yang di-keluarkan oleh surat-khabar itu dapat-lah kita fahamkan bahawa itu-lah yang menjadi satu buah fikiran pihak Kerajaan Indonesia. Tetapi sa-bagaimana yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekarang ini baharulah saya faham apa yang di-keluarkan oleh surat-khabar di-Indonesia berkenaan dengan perkara Irian Barat itu bukan-lah menjadi buah fikiran Kerajaan Indonesia.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, ada-kah Yang Berhormat Perdana Menteri akan menyambungkan lagi usaha-nya itu?

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dalam timbangan Cabinet.

Lawatan² Menteri Pembangunan Luar Bandar ka-Negeri² Pantai Timor

2. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri apa-kah sebab-nya beliau chuma membuat lawatan-nya ka-lain² negeri di-dalam Persekutuan Tanah Melayu dan tidak pernah menjejakan kaki-nya dan melihat sendiri berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar di-negeri Kelantan dan Trengganu yang di-kuasai oleh P.A.S.; dan ada-kah ini satu sikap yang di-sengajakan oleh Kerajaan Pusat terhadap negeri² yang di-kuasai oleh P.A.S. dan di-serahkan lawatan² berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar itu kepada Menteri Muda yang kurang bertanggung jawab.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak melawat dua² negeri itu bila ada kelapangan masa. Akan tetapi saya takut, saya tidak akan mendapat sambutan daripada kedua² Kerajaan itu, kerana Kerajaan² Kelantan dan Trengganu tidak menerima dengan sa-penoh-nya akan dasar Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Persekutuan, dan mereka itu menolak sama sa-kali dasar Kemajuan Tanah Kebangsaan kita (*Tepok*).

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat mendengar jawapan yang sa-bagitu, sebab saya perchaya sa-bagai Menteri Nasional dari Kerajaan Persekutuan, Kelantan dan Trengganu termasuk dalam Persekutuan Tanah Melayu, memang pada tempat-nya-lah Menteri Pembangunan Luar Bandar melawat kawasan itu. Dan sambutan yang di-sangsikan itu, ini sudah dapat di-buktikan dengan lawatan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dahulu telah mendapat sambutan dan di-jamu oleh Menteri Besar Kelantan sendiri. Jadi tidak-lah kena pada tempat-nya jawapan yang saperti itu di-beri.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Soal Tambahan. Saya fikir elok-lah Ahli Yang Berhormat itu berunding dengan kedua² Kerajaan itu (*Tepok*).

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sa-harus-nyalah Menteri Pembangunan Luar Bandar melawat sendiri

Mr. President: Jangan bahathkan lagi soal itu.

Enche' Da Abdul Jalil: patutlah melawat berjumpa dengan Kerajaan Tempatan memberi keterangan dalam perkara pembangunan luar bandar, kerana mungkin ada yang tidak faham.

MOTIONS

DEATH OF TUN TAN CHENG-LOCK, S.M.N., D.P.M.J.

Message of Condolence

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. President, Sir, I rise to move the motion which stands in my name, namely,

That this House record its sense of great loss and its deep regret at the death of Tun Tan Cheng-Lock, S.M.N., D.P.M.J., and to offer its sincere condolence to Toh Puan Tan Cheng-Lock and other members of his family.

Sir, the late Tun Tan Cheng-Lock died full of years and of honour. He was deeply loved and respected not only by Malaysians but also people of other races and climates who lived in Malaya and who knew him. I venture to suggest that his greatest memorial will be the inter-racial harmony which he assisted in creating. He will also be remembered as an astute Parliamentarian and man of affairs, and we who follow him will do well to tread in his footsteps, unworthy though we are. I am sure every Member of this House will associate himself with the message of condolence which I am about to move be sent to his widow and family.

Sir, I beg to move.

Enche' T. H. Tan: Mr. President, I rise to second the motion of the Honourable the Minister of Justice.

Having been privileged to work in close co-operation with the late Tun Tan Cheng-Lock, I can claim to speak with some knowledge of that great and worthy son of Malaya. It was nearly 40 years ago, when the then

Mr. Tan Cheng-Lock advocated adequate educational facilities in this country, for he knew such facilities would lead to political consciousness and constitutional progress. What he foresaw 40 years ago has today come to pass. But, Mr. President, Sir, Mr. Tan Cheng-Lock was not merely content to advocate. The best part of his life he devoted to public work, and his contribution to inter-racial harmony scarcely needs reiteration in this House today. I well remember the days and nights he spent thinking how independence could be won for this country. The key, he was convinced, was inter-racial harmony—and that led to the birth of the Alliance, the Party that won for us our national freedom.

Sir, the conferment of the Tunship on Tan Cheng-Lock was the nation's tribute to him. It was a fitting and most deserving tribute.

When he was laid to rest last Monday, in Malacca, nearly the whole population of his home town turned out to pay their last respects to a man who for a long time will be without equal in the annals of our history. Kindness and humility were Tun Tan Cheng-Lock's other names. His home in Malacca was open to one and all. His services were equally and readily free to all who sought them.

Sir, the Chinese in Malaya ought to know what they owe to Tun Tan Cheng-Lock. But for him, when he was President of the Malayan Chinese Association, at least half a million Chinese would have been compelled to leave Malaya on the outbreak of the Emergency. Sir Cheng-Lock, as he was then, suggested the creation of new villages, and this saved the Chinese from what might have been a cruel fate. The people who attended his funeral—men, women and children of all races and from all walks of life—knew the debt that the nation owes to Tun Tan Cheng-Lock.

Members of Parliament here have also much to learn from Tun Tan Cheng-Lock, from the wealth of his experience in legislative and public work. We Members of Parliament

should not shirk our duties as a lasting tribute to his memory.

Mr. President, I heartily support the motion before the House.

Enche' Abdul Hamid bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukachita bersama di-atas kehilangan Tun Tan Cheng-Lock. Pada pendapat saya ia ada-lah sa-orang warga-negara negeri ini yang benar² menuju kepada perpaduan di-antara semua kaum. Kehilangan-nya itu ada-lah menjadi kerugian pada kita sakalian di-Tanah Melayu ini. Mudah²an nama-nya akan menjadi kenang²an pada zaman yang akan datang. Saya kenal nama Tun Tan Cheng-Lock ia-lah semenjak ia menjadi President Malayan Democratic Union dahulu, kemudian hingga pada masa ini. Saya nampak ia ada-lah sa-orang pemimpin yang chintakan kepada kemerdekaan negeri ini, sebab-nya saya berkata begitu, tatkala parti kemerdekaan yang di-tubuhkan oleh Dato' Onn, ia sa-orang daripada anggota-nya, tetapi apabila ia dapati parti itu tidak berjuang kerana mendapatkan kemerdekaan negeri ini, ia keluar dan dengan kerana chita²-nya itu, ia telah bersatu-padu dalam Perikatan, dengan persatuan-nya dalam Perikatan itu-lah jasa-nya menjadi harum sa-kali, kerana boleh di-katakan semua kaum China yang ta'at setia kepada negeri ini adalah bersatu-padu di-belakang-nya; dengan bersatu-padu itu-lah menjadikan Parti Perikatan kuat masa menchapai kemerdekaan negeri ini.

Dengan sebab itu, saya bersama² menguchapkan ta'ziah di-atas kehilangan-nya itu dan bersama² berdukachita sa-bagaimana sakalian keluarga-nya.

Enche' Wan Ahmad bin Wan Daud: Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Perlis perkhabaran di-atas kehilangan Tun Tan Cheng-Lock sampai kepada kami melalui Radio. Bila saya berjalan dalam bandar dan kampong tiap² orang tidak kira bangsa dan agama menaruh sangat dukachita, bukan di-atas nama dan gelaran Tun, tetapi di-atas sa-orang manusia yang hidup dalam dunia dan kita bertuah ia hidup dalam negeri kita kerana

jasa-nya yang banyak hendak mencari kemajuan dan keamanan dalam negeri ini dan hendak melepaskan kita daripada di-jajah supaya hidup merdeka. Jasa dia-lah saya perchaya dengan terang yang telah berdamping dengan pemimpin² kita dahulu dan sekarang yang Tohan telah beri kita kejayaan ia-itu dapat merdeka, yang mana kita dapat hidup dengan ma'amor, aman dan damai pada masa ini.

Saya ingat daripada saya muda lagi banyak buku² yang ia karang, memberi semangat hidup kepada manusia dan berperasaan muhibbah, dan saya nampak ia tidak tujukan kepada bangsa dan negeri-nya (China) tetapi di-tujukan kepada Tanah Melayu dan dunia ia-itu suka kepada perdamaian dan keamanan supaya tidak menjadi kachau-bilau; itu-lah ikhtiar dia satakak yang saya tahu riwayat hidup-nya. Sayang! Sa-orang pemimpin yang kita harap boleh menyambungkan perjuangan kita telah hilang. "Patah tumbuh, hilang berganti" kata pepatah Melayu, saya perchaya di-antara kaum dan sahabat kita akan ada yang bersemangat, berperasaan dan berchita², kalau tidak lebeh pun, tidak-lah kurang daripada mendiang Tun Tan Cheng-Lock.

Pada akhir-nya, saya bagi pehak negeri Perlis bersama² menguchapkan sa-dalam² ta'ziah di-atas kehilangan Tun Tan Cheng-Lock itu.

Enche' Cheah Seng Khim: Mr. President, I wish to join in the sentiments expressed by the previous Honourable speakers. I also wish to inform this House that the late Tun Tan Cheng-Lock helped a great deal to settle the 1958 riots in Penang. He did so by just appearing in person. His loss is irreparable to all of us in the Federation of Malaya.

Enche' Koh Kim Leng: Mr. President, the demise of the late Tun Tan Cheng-Lock has shocked the nation. Much has been spoken about him and it is unanimously acknowledged that he was one of the men who have brought about and fostered racial harmony in this country. I have only this to add: that his death is not an

end of everything. In fact, his death is a challenge to all the races in Malaya that anybody who attempts to stir up inter-racial feelings in Malaya shall be a traitor to his spirit. Let us continue where he has left off. By doing that, we shall be paying the greatest tribute to the life work of a great man. (*Applause*).

Enche' Abdul Wahab bin Idus: Tuan Yang di-Pertua, kita semua faham tiap² sa-orang yang berjuang belum-lah dapat keperchayaan yang penoh atau kepujian yang 100 peratus sa-belum ia meninggal dunia. Sebab, kadang² sa-orang itu pada mula-nya chukup bergiat berjuang bersama² dan bersafaham dengan lain² orang, tetapi entah apa² perkara yang menghalang dia telah berbelok; itu-lah yang menyebabkan kadang² sa-orang itu dalam satu ugama beraleh kepada satu ugama dan dalam satu keta'atan beraleh kepada satu keta'atan. Tetapi, mendiang Tun Tan Cheng-Lock telah beberapa kali mendapat dugaan dalam perjuangan-nya menyatukan umat China di-Malaya supaya bersatu-padu dan sesuai dengan bangsa² di-Malaya seluroh-nya, telah beberapa kali ia mendapat halangan, dan pada suatu masa yang kita maseh ingat, beliau telah chedera sadikit kerana lontaran bom, ia-itu menyatakan ada-lah di-antara umat yang tidak bersetuju di-atas chara perjuangan atau maksud-nya itu. Jadi ini pun beliau tidak mengubah tujuan²-nya sa-hingga sampai-lah dikubumikan pada hari Ithnin yang lalu.

Sa-siapa yang ada menghadziri isti'adat mengkebumikan pada hari Ithnin yang lalu itu dapat menambahkan lagi satu pandangan yang lebeh rasa-nya kita nampak di-atas jasa² beliau. Orang² yang datang menyaksikan isti'adat itu besar benar bilangan wanita² yang berugama Islam. Saya rasa ini ada-lah satu keganjilan yang telah berlaku di-Melaka pada hari itu. Jadi ia telah meninggalkan dunia dengan menjalankan chita²-nya itu sekali pun tidak pernah menyempang dan tidak terenti, sa-mata² menumpukan kehendak hati-nya itu untuk men-chontohi diri-nya sa-bagai sa-orang yang sunggoh² ta'at setia, kaseh dan sayang kepada Persekutuan Tanah Melayu. Amalan, tujuan dan chita²

yang telah di-tunjok-nya itu, kita sa-kalian ada-lah berharap supaya menjadi chontoh kepada orang² China khas-nya yang dudok di-Persekutuan Tanah Melayu ini supaya menumpukan ta'at setia-nya sa-hingga sampai-lah mereka mati sa-bagai Tun Tan Cheng-Lock, dan kepada orang lain 'am-nya.

Oleh itu, saya sa-bagai negeri yang lebeh dekat dengan Melaka ia-itu Negri Sembilan bersama² menguchapkan ta'ziah kepada Toh Puan Tan Cheng-Lock.

Enche' Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak penduduk negeri Perak ada-lah turut bersama berasa sedeh atas kehilangan Tun Tan Cheng-Lock dan menguchapkan ta'ziah kepada Toh Puan Tan Cheng-Lock dan keluarga-nya. Bagi pehak Kerajaan Negeri Perak dalam Majlis Undangan-nya baharu² ini telah pun membuat ketetapan mengutuskan ucapan ta'ziah kepada pehak keluarga Tun Tan Cheng-Lock. Saya perchaya kehilangan Tun Tan Cheng-Lock ada-lah menjadi satu kerugian yang besar bagi negeri kita, dan jasa serta khidmatan-nya kepada negeri ini memang-lah tidak asing lagi di-ketahui oleh penduduk negeri ini.

Dan saya rasa patut saya menguchapkan tahniah pula kepada Kerajaan negeri ini yang telah mengadakan satu sambutan negara dalam melakukan upacara pemakaman yang telah dibuat terhadap Tun Tan Cheng-Lock di-Melaka hari itu, sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Tun Tan Cheng-Lock ia-lah sa-orang pemimpin yang dapat memberikan jasa-nya untuk mencari perpaduan antara bangsa² yang menjadi ra'ayat dalam negeri ini. Sa-bagai mengenangkan jasa-nya, tidak ada yang lebeh daripada kita sendiri menurut jejak-langkah beliau untuk mencari perpaduan antara bangsa² yang menjadi ra'ayat negeri ini, berjuang untuk mencari keamanan dan perdamaian serta kema'amoran ra'ayat seluroh-nya. Jasa beliau ini akan terchatit dalam sejarah sa-bagai sa-orang pemimpin yang jujur terhadap negeri ini, sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sheikh Abu Bakar: Honourable Dato' President, Sir, I would like

to associate myself with all the words which have been uttered by the various Members of this Honourable House regarding the demise of Tun Tan Cheng-Lock.

There is no doubt, Sir, that he was the Grand Old Man of the Federation of Malaya. I believe, Sir, once, when the former Sultan—the deceased Sultan—of Johore passed through Muar, when I was still an officer, and through our connivance I arranged that His Highness passed Malacca and called at the House of the then Mr. Tan Cheng-Lock. Later on, the Sultan informed me that he considered Mr. Tan Cheng-Lock one of the greatest old men of Malaya.

I must not forget also to say, Sir, that the first Malayan decoration bestowed upon Tun Tan Cheng-Lock was a Johore State decoration, the D.P.M.J., which entitled him to the honorific "Dato". This showed the esteem bestowed upon him by the late Sultan of Johore, and that his demise is surely a loss not only to the Federation of Malaya but also to the State of Johore.

I support everything which has been uttered by the various Honourable Members of this House. Thank you, Sir.

Question put, and agreed to *nemine contradicente*.

Resolved,

That this House record its sense of great loss and its deep regret at the death of Tun Tan Cheng-Lock, S.M.N., D.P.M.J., and to offer its sincere condolences to Toh Puan Tan Cheng-Lock and other members of his family.

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move,

That this House, after adjourning at the close of business this day, shall reconvene pursuant to Standing Order 11 (2) at 10 o'clock on the morning of Tuesday, 3rd January, 1961.

Nik Hassan bin Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House, after adjourning at the close of business this day, shall reconvene pursuant to Standing Order 11 (2) at 10 o'clock on the morning of Tuesday, 3rd January, 1961.

BUSINESS OF THE SENATE

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, pursuant to the provisions of Standing Order 66 (2), I beg to give notice that the following Bills, which have been transmitted from the Lower House and which have been certified by Mr. Speaker to be money Bills, will be taken through all stages today:

The Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill;

The Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill;

The Income Tax (Amendment) (No. 2) Bill.

I also like to give notice that the following Bills, which have also been transmitted from the Lower House, will be read a second time on 3rd January, 1961:

The Public Authorities (Control of Borrowing Powers) Bill;

The Importation of Yen Ordinance (Repeal) Bill;

The Pineapple Industry (Amendment) Bill.

BILLS

THE CONSOLIDATED FUND (EXPENDITURE ON ACCOUNT) BILL

Second Reading

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year ending on the thirty-first day of December, 1961," be read a second time.

This Bill represents a departure from past practice, but as the procedure represented by this Bill is provided for in the Constitution—and I would draw Honourable Members' attention to Article 102 (a) of the Federal Constitution—and as it is followed every year in the Parliaments of many Commonwealth countries, I do not think Honourable Members need feel alarmed.

In past years it has been the practice in Malaya for the Supply Bill authorising expenditure for the following year to be passed by the Legislature and to become law before the beginning of the year in respect of which the supply of funds is sought.

It is however clearly desirable that the Budget meeting of the House of Representatives should be held as late in the financial year as possible as this gives the Minister of Finance the opportunity to review the outturn of the country's financial transactions with some degree of accuracy.

As Honourable Members are aware, the House of Representatives is still discussing the Supply Bill, 1961, in the Committee of Supply, and the Bill will not be passed to the Senate in time for our consideration before the end of the year. A meeting of this House has therefore been arranged for early in January.

However, the business of Government must continue, and the Bill now before the House merely provides for the issue from the Consolidated Fund of a sum which is calculated to provide for the service of Government for the short period of 1961 before the Supply Act, 1961, is finally passed by the Senate, receives the Royal Assent and becomes law. Honourable Members will see that the sum of \$125,000,000 mentioned in the Bill is roughly 1/6th of the total of the Supply Bill and is therefore calculated to keep the Government services operating for a period of about two months in 1961, by which time it is hoped that the Supply Act will have become law. Honourable Members will also notice that the sum which it is sought to issue by this Bill is, in Clause 2 of

the Supply Bill, deducted from the sum authorised to be issued when that Bill becomes law. Thus, the effect of this Bill is, as its title implies, to authorise the expenditure of a sum pending the passing of the Supply Bill, 1961. It will be for the Treasury to make administrative arrangements to ensure that expenditure in the first few weeks of 1961, before the Supply Act, 1961, becomes law is so regulated as to accord with the Estimates which support the Schedule to the Supply Bill.

Sir, I beg to move.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang Bill ini, tetapi ada satu perkara yang saya rasa mustahak ia-itu kalau-lah keadaan ini berkekalan, ini menunjukkan bahawa ada kelemahan dalam perjalanan Kerajaan kita, kerana Supply Bill tidak dapat di-sempurnakan dalam masa-nya.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (No. 2) BILL

Second Reading

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that a Bill intituled the Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Act, 1960, be read a second time. This Bill seeks to introduce two principal amendments, the first of which relates to the investment of the Fund and the second, to the crediting of interest on contributors' accounts.

The first amendment relates to sub-section (2) of Section 4 of the principal Ordinance. At present the Board is empowered to invest the Fund in trustee securities as prescribed in the Trustee Ordinance, 1949, provided that 70 per cent of the Fund is invested in Federation Government securities and that no investments outside the Federation are made without the written consent of the Minister of Finance. It is most desirable that the Fund should be invested in the Federation to the greatest practicable extent, but the present range of trustee investments in the Federation is limited having regard to the very large sums which the Board has to invest. The amendments to the principal Ordinance proposed in Clause 2 and sub-clause (1) of Clause 3 of the Bill now before you will widen the range of permitted investments by allowing the Board to invest in approved companies. Approved companies are such companies as are approved by the Minister of Finance and they must be engaged primarily in the business of lending money on the security of land and buildings in order to promote home ownership, and have been incorporated in the Federation for a period of seven years or alternatively have been incorporated in Singapore and have a place of business in the Federation.

It is essential that the Board should only be allowed to invest in companies whose financial soundness is beyond question. The Bill therefore provides that before a company is approved by the Minister of Finance, and the fact of such approval is published in the *Gazette*, it must have a paid up capital of not less than \$10 million, have paid a dividend of 5 per cent in each of the last three years prior to the time at which an investment in the company is to be made by the Board, and finally that the sums borrowed by the company are limited to not more than two-thirds of the value of the company's mortgage asset.

These provisions will ensure that the Employees Provident Fund is only invested in the first class companies and that they will not only assist the Board in their task of investing the Fund to the best advantage, but will

also promote the growth of home ownership and house construction in the Federation.

Sub-clauses (2) and (3) of Clause 3 of the Bill represent a major advance in the development of the Employees Provident Fund. When the Fund was first established the principal Ordinance provided that a rate of interest in excess of 2½ per cent per annum should not be credited to contributors' accounts until the assets of the Fund valued at current market prices exceeded its liabilities by 10 per cent. This restriction on the rate of interest was imposed having regard to the need to build up reserves during the early years of the Fund. Since the Fund was established substantial reserves have been built up and experience has shown that the earning power of the Fund's assets is such as to permit a rate of interest in excess of 2½ per cent per annum to be credited to contributors' accounts, without undermining the future stability of the Fund.

Furthermore, as it is now provided that 70 per cent of the Fund's assets must be invested in Federation Government securities, and the Fund is unlikely to need to sell such securities before their maturity date, it is not considered necessary that the assets of the Fund should be valued yearly at their current market value. In the light of these circumstances the Board requested the Government to remove the present restriction on the rate of interest which it could declare. As a result of this request the Government had the financial position of the Fund assessed by an actuary, and after considering his report has decided that a higher rate of interest than 2½ per cent could be paid with prudence.

The present Bill therefore provides that the Board must obtain a report from an actuary approved by the Minister of Finance and may after receiving his report declare such rate of interest not being less than 2½ per cent per annum, and not more than that recommended by the actuary, as it considers desirable. The Board's power to declare a rate of interest is limited therefore only by what the actuary regards as prudent. Furthermore, it is provided that the rate of

interest may be declared by the Board before the end of the year to which such rate relates.

I wish to stress, however, that the liabilities of the Fund will continue to be guaranteed by the Government so that in no circumstances will contributors' accounts be credited with interest at a rate lower than $2\frac{1}{2}$ per cent per annum. On the other hand, in order to safeguard Government's interests it is provided that if the Government should be called upon to make good any deficiency in the Fund the rate of interest which the Board may declare shall be restricted to $2\frac{1}{2}$ per cent per annum until the sum lent by Government to the Fund has been repaid to the Government by the Board.

In the past the Board has experienced considerable administrative difficulties from the fact that the principal Ordinance provided that the interest rate shall only be declared after the end of each year and that the rate so declared shall be credited on the balance of each contributor's account at the close of that year. With the rapid growth of the Fund there are now over a million contributors and this has meant that the many interest calculations could only be made after all the contributions for that year had been brought to account. This inevitably delayed the closing of the Fund's accounts and the issue of individual statements to contributors. In order to overcome these difficulties the amendment to Section 12 (2) of the principal Ordinance, as proposed in Clause 4 of this Bill, provides that interest shall be credited on the balance of contributors' accounts at the beginning of the year. This will greatly facilitate the administration of the Fund and the early completion of the annual accounts.

I wish to stress to Honourable Members that this amendment is in no way disadvantageous to contributors as once the present Bill has been enacted the rate of interest which the Board declares will be determined solely by reference to the earning power of the Fund's investments, and the need to ensure that the rate of interest declared does not prejudice the future stability of the Fund. I should like to quote

a few figures for the information of Honourable Members on the assumption that a rate of interest of 4 per cent is paid on opening balances compared with the present rate of $2\frac{1}{2}$ per cent on closing balances. A figure of 4 per cent is taken as the Board have informed the Minister of Finance that they propose to declare such a rate should this Bill be approved by Parliament. If 4 per cent is paid on opening balances for the next 10 years on the average contributor's account which had at 1st January, 1960 a balance of \$493.28, his account will be credited with \$148.41 more as interest during this period than if interest were credited at $2\frac{1}{2}$ per cent on closing balances.

As I stated previously, the total amount of interest which can be credited to contributors' accounts must be governed by the earning power of the Fund's assets. Therefore if interest is to be credited on closing balances rather than on opening balances it is probable that the Board would feel obliged to declare a lower rate of interest than 4 per cent, possibly $3\frac{1}{2}$ per cent. If the Board paid 4 per cent on opening balances for the next 10 years on the average contributor's balance as opposed to $3\frac{1}{2}$ per cent on closing balances such contributors would each be credited with \$21.49 more as interest during this period.

The amendment to sub-section (3) of Section 12 of the principal Ordinance is a consequential one only and is necessary in view of the proposed amendment to Section 12 (2) of the Ordinance whereby interest is to be credited on opening balances and not on closing balances of contributors' accounts as at present.

The amendments proposed in this Bill have the wholehearted and indeed enthusiastic support of the Board of the Employees Provident Fund and I am satisfied that they enable a great improvement to be made in the benefits contributors will derive from the Fund, and will help to ensure that contributors receive on their withdrawal from the Fund a sum adequate to provide for their old age.

Sir, I beg to move.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Dato' G. Shelley: Mr. President, Sir, it must be remembered that accumulated funds in the Employees' Provident Fund are the savings of workers who are earning small salaries. The use of these Funds for promoting the growth of home-ownership is a pleasing provision in the Bill. However, it would be more pleasing to the contributors of the Fund if the amendments included some practical measure for a member of the Employees' Provident Fund to assist him in owning the house of his dreams. The greater majority of the E.P.F. members can only afford small houses which come under the category of low-cost houses. We see such houses advertised at the very reasonable price of around \$6,000 but the cost eventually rises to well over \$8,000 when interest is added on. I am not suggesting that the extra charge of interest is not a legitimate one, but I feel that these landlords could relax a little the hard and fast rules of their financing system when a member of the E.P.F. wishes to participate in the purchase of a house.

Such privileges could, for instance, take the form of an allowance on the cost of the houses as well as a preferentially lower rate of interest in the terms of payment. These conditions may well be imposed on the borrowers, that is, the "approved companies", before the Employees' Provident Fund Board grants a loan. I suggest that this is a very small concession to the humble workers who, after all, are collectively providing the funds for these "approved companies". It is not an unreasonable request to ask the Employees' Provident Fund Board to negotiate for advantages and privileges for the people they represent.

Housing projects must obviously be a lucrative form of business, judging by the multi-storeyed buildings housing these enterprises. I trust that these considerations will be put before the Employees' Provident Fund Board and in some way or other bring benefit to the contributors of the Employees' Provident Fund.

Nik Hassan bin Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat Dato' Shelley dalam perkara mengenai hal perumahan bagi orang² yang menyimpan wang-nya di-E.P.F. ini. Saya berpendapat E.P.F. ini adalah satu jabatan atau satu badan yang di-pandang oleh ahli² yang berpendapatan kecil atau rendah sebagai satu badan yang menyusahkan kepada mereka. Tetapi sa-kira-nya Kementerian yang berkenaan ini dapat berunding dengan mana² sharikat yang hendak menerima wang daripada E.P.F. ini sa-bagai menambah modal kepada sharikat-nya boleh-lah Kementerian ini atau E.P.F. memberitahu kepada sharikat itu supaya mengadakan satu ranchangan atau memberi kelonggaran kepada anggota² yang menyimpan wang-nya itu mendapat rumah dengan chara yang paling mudah sa-kali supaya dengan hal yang demikian orang yang menyimpan wang-nya itu akan mendapat faedah-nya, sa-lain daripada wang-nya yang di-simpan itu. Saya perchaya kira-nya sharikat yang menjalankan perniagaan perumahan ini yang akan dapat bantuan modal daripada E.P.F. memberi pula keuntongan dengan chara menjual rumah kepada ahli²-nya dengan chara yang mudah, dengan chara yang murah. Maka perkara ini boleh menarek perasaan dan menjadi galakan kepada ahli² yang menyimpan wang ini dengan suka hati, dengan perasaan yang megah mereka menyimpan wang ini, kerana berfaedah kepada mereka pada masa hadapan. Saya perchaya kira-nya hendak dibuat demikian tidak menjadi galangan, kerana mengikut undang² ini ada berbagai syarat yang di-kenakan kepada sharikat² yang hendak di-beri modal itu. Saya perchaya dalam menentukan sharikat mana yang patut menerima modal daripada badan ini, maka sharikat itu sanggup akan menjalankan ranchangan² ini supaya mereka akan mendapat bantuan daripada badan ini. Dengan syarat² yang ada ini saya perchaya tidak banyak badan² perumahan ini akan mendapat modal daripada E.P.F. ini kerana syarat² yang di-kenakan dalam undang² ini ada-lah syarat yang sangat ketat dan

sangat kemas sa-kali. Boleh jadi Malaya Borneo Building Society akan mendapat bantuan modal daripada E.P.F. ini, dan saya perchaya, kira-nya Malaya Borneo Building Society ini mendapat modal daripada E.P.F. ini tentu-lah sharikat ini tidak takut dalam menjalankan ranchangan-nya bagi menjual rumah sa-bagaimana yang pernah dijalankan pada masa ini kepada orang ramai itu; ini ada-lah menjadi satu tambahan sahaja kepada kewajipan sharikat yang akan menerima modal itu.

Sa-lain daripada itu, oleh kerana kita membahathkan perkara hendak meminda undang² ini, saya suka-lah mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengingatkan badan E.P.F. ini ia-itu menjaga kaki-tangan-nya dengan lebeh baik lagi. Kerana saya pernah mendengar pegawai² yang bekerja dalam perkara ini pernah mengeluarkan kata² yang berupa mengugut dan berbagai perkara yang boleh membangkitkan perasaan marah kepada taukeh atau tuan punya perusahaan dan sa-bagai-nya. Saya pernah mendengar, umpama-nya, di-Kelantan telah di-hantar pegawai² yang tidak tahu berbahasa Melayu kepada perusahaan² yang taukeh-nya orang Melayu, dengan mengeluarkan kata² yang kasar, yang keras, yang berupa mengugut untuk menangkap dan sa-bagai-nya; jadi ini ada-lah satu chara pekerjaan yang tidak patut sa-kali. Dan saya minta supaya Kementerian ini memberi amaran atau memberi ingatan kepada badan ini supaya badan ini menghantar pekerja² yang sesuai dengan tempat dan masa bekerja. Kalau perusahaan atau taukeh perusahaan itu daripada orang Melayu umpama-nya, maka hantarlal—kalau bangsa lain pun, hendaklah bangsa yang tahu berbahasa Melayu. Sebab saya pernah mendapat rayuan daripada sa-orang taukeh kata-nya, sa-orang pegawai E.P.F. datang ka-tempat-nya bertanya adakah ia menyimpan wang bagi pekerja²-nya dan sa-telah berchakap dua tiga patah, oleh sebab pegawai yang berkenaan itu tidak faham apa yang di-chakapkan oleh taukeh perusahaan itu—boleh jadi taukeh itu berchakap

Melayu Kelantan, tidak Melayu Kuala Lumpur, jadi perchakapan itu ada berseiseh faham, kemudian keluarlah perchakapan daripada pegawai yang menyiasat itu berkata, Ah! mengikut undang² kita boleh ambil, tangkap, boleh itu dan boleh ini. Jadi ini perkataan yang berupa mengugut, berupa menyusahkan taukeh perusahaan² itu yang mana boleh membangkitkan kemarahan, yang boleh membawa satu pergadohan dan sa-bagai-nya.

Oleh itu, saya rasa ada baik-nya kalau di-ator pegawai itu supaya sesuai dengan tempat-nya, umpama-nya, barangkali badan E.P.F. ini tidak ada halangan bagi mengambil pekerja seperti Inspector dan sa-bagai-nya daripada anak Kelantan, bekerja menyiasat hal Kelantan, kerana mereka mengetahui bahasa yang di-tutori di-Kelantan itu dengan lebeh baik, dengan lebeh terator yang boleh membangkitkan perasaan kaseh masra di-antara pegawai² itu dengan taukeh perusahaan² itu. Dengan jalan ini kalau biasanya ia mendaftar pekerja-nya 5 orang pada hal ia ada 10 orang, boleh jadi dengan gaya yang lemah itu daripada 5 orang itu barangkali ia tambah 3 lagi, ini sudah menjadi 8; jadi ini satu perkara yang bukan mustahil sa-kira-nya di-ator dengan baik, dan perasaan saling mengerti ini sangat mustahak di-antara pegawai yang berkenaan dengan ketua yang menjaga perusahaan itu.

Ini-lah peringatan saya kepada badan ini, dan saya berasa hendak berchakap sangat berkenaan dengan chadangan yang di-keluarkan oleh Dato' Shelley. Bila Dato' Shelley berchakap, saya sudah terasa sangat-lah mustahak fikiran-nya itu, dan tidak payah kita pinda undang² ini; dengan chara perbuatan sahaja barangkali Kementerian atau badan ini boleh merunding dengan mana² sharikat yang hendak menerima bantuan modal, adakan satu ranchangan bagi memberi kemudahan kepada ahli² E.P.F. membeli rumah dengan chara yang murah, dengan chara yang mudah dan satu kelonggaran khas di-beri terutama kepada anggota² yang menyimpan wang itu. Ini ada-lah saling mengerti dan perasaan masra yang baik di-antara

badan ini dengan anggota²-nya yang mana kelak tidak akan berbangkit perasaan marah dan benchi, dan badan ini akan di-kasehi oleh anggota-nya, sa-kian sahaja, terima kaseh.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah memerhatikan pindaan undang² yang asal ini, saya dapati ini satu ranchangan yang baik, dan beberapa syarat² yang akan di-adakan ini kemas dan ketat yang boleh menjamin wang yang di-simpan oleh pekerja. Saya rasa undang² ini nampak-nya akan mendatangkan faedah yang lebeh kapada mereka dari segi bunga yang telah di-tambah oleh kerana wang mereka di-pinjamkan kapada company. Saya fikir sa-kira-nya wang ini dapat di-berikan kapada satu kumpulan atau satu company, mithal-nya, yang mempunyai modal \$10 juta, maka tentu-lah menjadi satu jaminan yang kuat kapada wang Provident Fund yang di-simpan oleh pekerja itu, dan saya fikir semua-nya ini sudah chukup baik. Chuma perkara yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi mengenai kaum pekerja dengan rumah. Mungkin wang ini akan di-pinjamkan kapada sharikat perumahan, maka saya chuma menitik-beratkan ia-itu dalam beberapa syarat yang harus di-beri kapada sharikat perumahan yang meminjam itu hendak-lah di-sharatkan juga supaya pekerja yang mempunyai wang simpanan yang di-pinjamkan kapada sharikat perumahan itu harus di-beri keutamaan kapada mereka dalam membeli rumah di-tiap² negeri di-Persekutuan Tanah Melayu ini.

Berkaitan dengan pindaan undang² ini, Kerajaan telah mengadakan pindaan yang chukup ketat dan kemas untuk kepentingan kemajuan dan perumahan bagi ra'ayat negeri ini sendiri. Saya ingat ketika membahath mengenai pindaan Provident Fund dahulu dalam persidangan yang lalu dan juga dalam masa Perbahathan Belanjawan tahun yang lalu telah banyak fikiran di-beri mengenai perkara ini, tetapi Kerajaan tidak berchadang untuk mengadakan sa-barang pindaan, kechuali pindaan yang saperti ini. Pindaan yang mana saya nampak Kerajaan chuba, sa-lain

daripada faedah yang di-dapati, memberi beberapa pertolongan yang sangat besar kapada kepentingan kapitalis, satu company kapitalis yang mahu bekerja kerana menchari keuntongan daripada modal yang besar ini. Tetapi dari sudut asas ada-nya Undang² Provident Fund, jika peringatan saya tidak salah, timbul-nya fikiran manusia dalam dunia ini mengadakan Provident Fund bagi pekerjaan ia-lah kerana perjuangan di-antara yang mempunyai dengan yang tidak mempunyai (fighting between have, and have not) yang menyebabkan timbul-lah gulongan kapitalis, gulongan socialist dan sabagai-nya yang menentang kaum majikan kapitalis. Maka dengan itu timbul-lah daya utama (initiative) dalam fikiran manusia ingin menyelesaikan masalah ini dengan mengadakan jaminan kapada kaum pekerja. Tetapi kaum pekerja yang kita telah suarakan supaya dapat di-bela dengan undang² ini, Kerajaan tidak mengadakan pindaan Undang² Provident Fund ini. Mithal-nya, pekerja yang telah menganggor, berhenti daripada jawatan, yang telah menyimpan beribu ringgit, telah 3 tahun tidak bekerja atau sakit yang walau pun boleh baik, tetapi belum tentu dapat kerja, tidak berhak mendapat balek wang-nya kechuali sakit yang di-akuai oleh doktor tidak boleh bekerja lagi, maka mereka harus di-timbangkan supaya mereka mendapat balek wang-nya, Kerajaan tidak memikirkan ia-itu patut membuat pindaan undang² kapada orang yang saperti ini. Dan dari sudut yang lain pula Kerajaan mengatakan dengan alasan yang kuat dan tujuan yang besar di-adakan Undang² Provident Fund ini ia-lal untuk menjamin masa tua bagi orang yang berumur 55 tahun ka-atas. Yang demikian bila sampai umur 55 tahun, bukan-lah masa-nya mereka bekerja lagi dan telah tidak sanggup bekerja, dengan asas ini, maka Undang² Provident Fund di-adakan.

Apa kata kita kapada orang yang tidak terta'alok di-bawah undang² ini. Mithal-nya, satu majikan yang kechil yang mempunyai satu perusahaan yang membuat kapor, ia mempunyai dua tenaga ia-itu mempunyai dua orang buroh, yang bekerja sampai habis

umornya untuk kepentingan majikan yang menchari untung; akan tetapi buroh ini sampai habis umornya mendapat gaji di-antara \$60-70 atau \$1 sa-hari, orang ini tidak terta'alok di-bawah Undang² Provident Fund. Oleh itu, di-mana-kah jaminan Kerajaan untuk satu kumpulan tabong wang kepada kaum pekerja seperti yang dua orang ini, kechuali satu company yang mempunyai buroh yang ramai mengikut undang². Jadi ra'ayat yang menggunakan tulang empat kerat yang saya mithalkan tadi tidak mendapat jaminan dalam undang² ini. Jadi dengan alasan itu, tidak-lah tepat Kerajaan mengemukakan untuk jaminan masa tua. Saya memberi contoh dua orang buroh yang tidak pernah mendapat faedah daripada undang² ini, kerana mereka tidak terta'alok di-bawah undang² yang majikan-nya mesti membayar dan memotong gaji mereka untuk membayar Provident Fund. Demikian juga kalau kita bayangkan ra'ayat yang miskin, yang tidak mempunya (have not) dalam negeri ini seperti penarek becha roda tiga dan penangkap ikan, mereka semua ada-lah orang yang tidak mempunyai majikan yang tertentu, akan tetapi mereka ada-lah orang yang bekerja dengan tulang empat kerat dengan sa-habis tenaga dan daya upaya mereka, mereka akan terlantar dengan tidak mempunyai kesanggupan untuk bekerja dan tidak ada wang simpanan. Kapada orang² yang sakit dan yang menganggor bertahun² itu harus-lah Kerajaan pertimbangkan pada pindaan undang² ini supaya membolehkan mereka mendapat balek wang-nya. Saya berkata begitu oleh sebab Kerajaan boleh mengadakan satu pindaan mengenai Undang² Provident Fund ini tentang mengeluarkan wang-nya untuk di-inves (invest) memberi pinjaman kapada satu company kapitalis, tetapi mengapa Kerajaan tidak mengadakan satu pindaan yang boleh mendatangkan faedah kapada orang yang menyimpan wang-nya yang telah 3 tahun tidak bekerja mithal-nya, ini patut di-timbangkan. Sebab dengan alasan yang lanjut seperti yang saya katakan tadi telah ada orang yang tidak mempunyai pendapatan dan yang tidak mempunyai simpanan, kerana tidak terta'alok kapada undang² seperti satu majikan

yang mempunyai dua orang buroh itu, maka ini harus-lah Kerajaan pertimbangkan dari sudut lain seperti yang di-buat di-England

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af, kalau boleh, tolong-lah Ahli Yang Berhormat ini perlahan (slow), terlampau laju tidak dapat hendak ikut.

Enche' Amaluddin bin Darus: seperti yang berlaku di-England mithal-nya, Kerajaan United Kingdom mengadakan penshen tua ya'ani orang yang berumur 55 tahun ka-atas mendapat penshen tua. Jadi apa-kah salah-nya kalau Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengadakan penshen tua? Sebab bukan sahaja wang Provident Fund itu di-pulangkan balek kapada mereka yang patut mendapat penshen, tetapi dua orang yang saya katakan tadi sa-bagai mithal yang bekerja sampai mati di-bawah satu majikan yang tidak terta'alok kapada undang² ini juga mendapat hak itu. Jadi dari segi ini patut-lah Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan memikirkan pindaan ini, bukan hanya pindaan yang boleh menguntongkan kapada gulongan kapitalis dalam negeri ini, sa-kian.

Enche' T. H. Tan; Mr. President, Sir, I support the principle of the amendment to the Employees' Provident Fund Ordinance now before us. I would also congratulate Dato' Shelley for his suggestion, which I think is a very valuable contribution to the welfare of the wage-earner. The Government should accept the principle that workers are entitled to the benefit of their savings.

In that connection, Sir, I wish to make a further suggestion. The suggestion is that the Government should introduce further amendments in due course with a view to making it possible to give relief from the Employees' Provident Fund in genuine cases of dire hardship. Too often have I heard contributors to the Fund lamenting the fact that they are unable to get any benefit at all from the Fund until they reach the statutory age, or perhaps upon their death, which might be too

late. I earnestly hope that this suggestion will receive Government's consideration.

Enche' Lim Hee Hong: Mr. President, Sir, I like to say a few words on this matter of the Provident Fund. As we all know, these are the savings of the poor workers, so, in the administration of the Fund every care should be taken. What I like to say is confined to the moneylending side. Moneylending, I think we all agree, is a very profitable concern if proper care is taken before the money is given out to the borrower. Otherwise, if it is not properly done, well, I am afraid it will be the worst business on either side. I have had past experience myself of moneylending on a small scale (*Laughter*) especially to help friends, and I have been played out.

Sir, in the operation of the Fund—I am not really criticising the administration of the Board—but I like to sound a note of warning to the Ministry concerned for future transactions. It has come to my knowledge that a very big transaction has taken place suddenly. I have my doubts whether it has been done in the best interests of the investors. Whenever a loan is applied for, whether big or small, I should think it is only right that the Board should have a proper investigation, and qualified assessors should be employed to investigate and assess each property before giving out the money, because once the money is paid out, I am afraid it will be very hard to get it back if the property is wrongly assessed. So, I would urge the Ministry concerned to take great care in future cases of applications for loans, and not just to part with the money carelessly. I am sure it is not the policy of the Board to compete with the moneylenders or the banks. I am not briefed by the banks, but I think we are giving out loans at a cheaper interest compared with the banks and other lenders. For that reason, we should be more careful—we are not going to compete with the banks, we shall be given less percentage on the value of property in comparison with the banks because our interest is cheaper, but on the other hand, if you are carelessly administering

the Fund, I am afraid the whole object of this Fund will be defeated.

Enche' A. M. Abu Bakar: Mr. President, Sir, I heard what the mover of the motion said and the conditions laid down in this Bill for borrowers before they can get loans from the Employees' Provident Fund with the approval of the Minister of Finance. I also heard the suggestion put by Dato' Shelley, but to amend this Bill, I feel, is legally not necessary, for the Government can take up the matter later. But I feel, Sir, the Minister has a right or power to call upon the borrower to prove that they are entitled to the privileges and considerations given to those borrowers from that society, such as the charging of low interest. Sir, we have seen many financing societies, corporations and limited concerns floated since post-war as well as during the Merdeka period, financing not only houses, motor-cars and so on, but the rate of interest charged to the public by these people are very exorbitant. For instance, Sir, I may be wrong, but from experience I have gathered by calculations, I come to understand that for a sum of \$5,000 given as a loan to a house purchaser, the interest charged is 8 per cent; it is not 8 per cent on the first year or on the reduced Principal year by year, but 8 per cent for the whole period of 10 years calculated on the capital value. If the interest on the first year on \$5,000 is \$400, then for the next nine years is added another \$3,600, making a total of \$4,000, and this \$9,000 is divided into 120 instalments for ten years, and the contributor has to pay not less than \$75 per month towards the cost of that house—that is, he pays \$42.66 on the capital loan of \$5,000 plus \$33.33 interest every month. So, it looks like nearly 80 per cent of the capital value is paid in the form of interest. Such is the way the present financiers are giving loans for housing.

But I feel, Sir, as the Government is going to give millions of dollars from the Employees' Provident Fund to the societies approved by the Minister, I feel that the Minister could put a condition that either simple interest or a

lesser form of interest could be calculated to the borrowers who are really contributors to the Employees' Provident Fund for the purchase of their own House. I feel, Sir, in this way, the anomalies and the exorbitant interest charged by these financiers will be avoided if these people were given a chance to build their own houses.

Enche' Abdul Hamid bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Undang² E.P.F. ini, kerana saya nampak nyata menguntungkan kepada pekerja² ia-itu dengan ada-nya tambahan bunga daripada 2½ kepada 4 peratus. Yang kedua, dengan pindaan ini boleh-lah board ini memberi pinjaman kepada orang yang patut dapat pinjaman. Saya faham wang yang disimpan dalam E.P.F. ini ia-lah wang pekerja yang di-champor dengan wang majikan. Jadi sa-kira-nya board ini memberi pinjaman kepada company, yang itu-lah juga majikan, chara memberi pinjaman yang sa-bagitu bukan-lah di-beri kepada kapitalis sa-bagaimana kata sa-orang Ahli Yang Berhormat baharu sa-kejap tadi. Kerana pinjaman yang kita berkehendakkan bunga yang lebeh hingga 4 peratus kepada pekerja yang menyimpan wang mesti-lah datang-nya daripada company yang besar, yang ada jaminan bahawa pinjaman ini tidak akan hilang bahkan akan tetap mendapat untung. Tetapi saya faham juga bahawa pekerja² yang menyimpan wang itu sungguh pun mendapat keuntungan daripada bunga yang 4 peratus tidak-lah nampak-nya berfaedah sa-chara langsung kapada-nya, kerana masa menerima faedah itu mengambil masa yang berpuluh tahun.

Dengan sebab itu, saya menyokong chadangan Dato' Shelley dan chadangan Tuan T. H. Tan supaya Kerajaan memberi pertimbangan yang lebeh pada masa yang akan datang agar wang yang di-tanam dalam E.P.F. itu boleh memberi keuntungan sa-chara langsung kapada pekerja.

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyambong chadangan Dato' Shelley tadi, kerana chadangan-nya itu telah mendapat sambutan pada keseluruhannya.

Saya hanya mahu menyebutkan chadangan Yang Berhormat Enche' T. H. Tan berkenaan dengan kesusahan² bagi pekerja yang hendak mendapatkan balek wang-nya tetekala mereka itu dalam kesusahan. Kita mengetahui bahawa pekerja² yang menyimpan wang-nya dalam E.P.F. ini saparoh-nya bukan-lah kekal, kadang² mereka itu baharu sa-tahun terpaksa berhenti, maka saya rasa manakala mereka itu tidak ada mempunyai pekerjaan, susahlah kehidupan mereka, kerana tidak ada mempunyai sara hidup-nya. Maka sa-patut-nya-lah mereka itu di-beri peluang untuk mendapatkan balek wang-nya itu atau sa-kurang²-nya di-beri pinjam.

Di-dalam negeri² yang maju sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa orang² yang tidak mempunyai pekerjaan atau menganggor itu ada di-beri elaun. Maka sekarang alang-kah bagus-nya kalau, walau pun kita tidak memberi elaun kepada orang yang tidak mempunyai pekerjaan, tetapi kita mudahkan sahaja kepada orang² yang mempunyai simpanan wang itu mendapat pinjaman daripada wang yang di-simpan-nya itu, sakan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, E.P.F., kerana pekerja ini ada-lah satu kumpulan wang yang saya faham ia-itu wang hak milek pekerja yang bergaji rendah dalam negeri ini, daripada chabutan yang di-buat sa-tiap bulan itu-lah bermilion ringgit telah terkumpul yang digunakan dalam berbagai perkara. Saya perchaya tiap² pekerja yang wang²-nya di-chabut dan di-hantar kapada E.P.F. ini ada-lah sangat menghendaki bahawa wang hasil dari titek peloh mereka itu sa-benar²-nya di-gunakan demi tujuan kebaikan mereka dan wang itu sa-sungguh-nya di-gunakan dengan baik, dan tidak dengan sa-chara langsung atau tidak langsung hanya menjadi faedah kapada satu gulungan yang tertentu. Saya tidak-lah hendak mengatakan bahawa wang² E.P.F. ini di-salah gunakan baik masa yang lalu dan sekarang dan yang akan datang, tetapi saya telah mendengar—dan selalu mendengar desas-desus daripada pehak pekerja yang tidak senang hati akan chara wang² E.P.F. ini di-gunakan.

Sa-bagai chontoh, dalam Bill ini sendiri nampak-nya E.P.F. ini menentukan pada satu chara yang tertentu sahaja wang ini hendak di-pinjam ia itu pada badan perumahan. Boleh jadi pekerja yang mempunyai wang itu akan bertanya, kenapa-kah hanya kapada badan perumahan sahaja di-sharatkan wang ini boleh di-pinjamkan, kenapa tidak badan yang lain mithal-nya, adakah ini ada sebab yang tertentu atau berat sa-belah atau favouritism diantara satu sama lain? Sebab dengan chara ini sa-olah² pehak E.P.F. ini chuba hendak menolong satu kumpulan kapitalis yang tertentu, dan tidak pula hendak menchuba menchari jalan mengembang dan membanyakkan wang ini dalam lapangan yang lain. Ini boleh menyebabkan orang berfikir walau pun tidak sunggoh ada makan suap (corruption) sama ada kaki-tangan E.P.F. atau yang ada pertalian dengan pejabat ini.

Ini-lah pandangan yang saya rasa harus di-pandang berat dalam perkara ini, satu peringatan yang berat harus di-ambil oleh pehak yang berkenaan. Bahawa wang Provident Fund ini adalah dari titek peloh ra'ayat, pekerja yang bergaji rendah dan hendak-lah di-gunakan dengan bijaksana, jujur dan ikhlas demi kepentingan mereka.

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, I must confess that I am absolutely green in matters of finance, so much so that I find myself in the red—my account in the red at the end of almost every month.

Ordinarily, the Minister of Finance would have been here to answer the questions raised by Honourable Members. Unfortunately, he is unwell in bed today, so the best thing I can do is to submit the constructive views raised by Honourable Members to the Minister of Finance for his consideration (*Applause*).

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President in the Chair)

Clauses 1 to 4 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

INCOME TAX (AMENDMENT) (No. 2) BILL

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Income Tax Ordinance, 1947" be read a second time.

This Bill, which, while reducing the relief granted to a small class of individuals with big incomes, will also benefit that much larger section of the community which works for its living.

The Bill proposes a new relief for individuals and Hindu Joint Families who derive their income from what, for want of a better term is called "personal exertion". In other countries the relief goes under the name of "earned income relief" and for convenience it is desirable to adopt that term here.

Earned income is defined as the gains or profits from any trade, business, profession, vocation or employment where the Comptroller is satisfied that such gains or profits are directly derived from the carrying on or exercise of the trade, business, profession, vocation or employment. The definition also includes any pension given in respect of the past services of an individual. Income such as dividends, interest and rents which normally arise with little or no personal exertion on the part of the recipient will not qualify for relief unless of course it can be said to arise in the actual carrying on or exercise of a trade or business—for example, interest received by a person who is carrying on the business of money lending will, generally speaking, arise in the normal carrying on of his business and will qualify for the relief. The share of the income of a partnership which is allocated to one who is merely a sleeping partner will not qualify.

It is considered to be right and proper that there should be a distinction between these two types of income

particularly since the former will in general increase the productivity and wealth of the country and those with such incomes can therefore be regarded as the most deserving section of the community.

The relief proposed is one-tenth of the statutory income reduced by the amount of any trading loss in respect of which relief is claimed under section 33 (2) (a) or (b) of the Income Tax Ordinance.

The effect of the relief will be greater proportionally in the lower income groups. For example, a single man whose income is earned and amounts to \$2,500 will have his tax bill cut in half. A married man with \$4,000 of earned income will obtain a reduction of 40 per cent that is from \$60 to \$36.

A married man with 2 children and an earned income of \$5,000 has his tax reduced by 2/3rds, that is from \$45 to \$15.

There will also be reductions for the bigger taxpayer, which will be greater in terms of tax but smaller in proportion to his total tax bill. For example a single man with \$10,000 of earned income obtains a reduction of 1/6th in his tax liability. A married man with an earned income of \$20,000 will have his bill reduced by about 1/12th.

The second provision of the Bill deals with the amount of relief which may be allowed in respect of life insurance premia and pension and provident fund contributions. At present the ceiling limit is one-sixth of the individual assessable income or \$4,000 whichever is the less. It is considered that the one-sixth limit is unnecessary and should be abandoned. The other limit of \$4,000 is no longer realistic when compared with the personal relief which may be allowed to an unmarried individual, namely, \$2,000, and to a married individual, \$3,000. The Bill accordingly proposes that the limit should be reduced from \$4,000 to \$3,000.

Sir, I beg to move.

Engku Muhsein: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' G. Shelley: Mr. President, I can only say that the reliefs are a step in the right direction. I still maintain, however, that the taxpayers in the lower-income group are inequitably burdened. Income tax is not the only way that these people contribute towards the Treasury. A cut is made on every dollar they earn on the clothing they wear, the food they eat or drink or the entertainment they enjoy. That all comes out largely in the way of import duties. But more particularly is their contribution into the Treasury by way of school fees, and I am disappointed that no mention has been made of this recommendation; not in this discussion, but in discussions in the Lower House no mention has been made of implementing the recommendations of the Committee which submitted the report. Free schooling is a right that should be enjoyed by each and every individual who claims to be a citizen of the country, and free schooling is a fair charge on the revenue of the country. It has been estimated that the total collected in the way of school fees is about \$17,000,000. I suggest that this is not a colossal sum to pay from revenue and for the removal of an existing anomaly. For one thing, it will bring our tax structure nearer to equity.

Enche' Cheah Seng Khim: Mr. President, I rise to support this amendment Act. However, I would be happier if there is an amendment for an increase of 5 per cent on tax on the top level group (*Laughter*). I know I am treading on ground where angels fear to tread. However, I am not an angel.

Enche' T. H. Tan: Mr. President, Sir, like Dato' Shelley, I feel that the amendments to the Income Tax Ordinance, while bringing welcome relief, are at the same time a move in the right direction. My only complaint is that the reliefs don't go far enough. I would like Government to consider seriously giving relief in respect of that portion of the wage-earner's income which in an Asian family goes towards the support of aged dependents. I believe that such provision exists in the United Kingdom Ordinance, and if we are going to levy income tax in the

spirit of that Ordinance, I think we too should have such relief brought in as soon as possible.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini yang akan mengurangkan beban khusus-nya famili yang di-maksudkan ia-itu orang yang bekerja di-estate² daripada suami sampai ka-anak-nya. Saya chuma mengingatkan Kementerian yang berkenaan seperti yang telah saya ingatkan dalam Persidangan Belanjawan dahulu ia-itu dalam masa membahathkan Bill yang seperti ini mengenai dengan kedudukan anak sa-saorang, yang sa-benar-nya ada sa-tengah² keluarga itu mempunyai anak sampai 10 orang dan mesti membelanjakan daripada makanan sampai persekolahan serta menanggung-nya sa-hingga mereka dapat hidup dengan sendiri sa-hingga berkahwin. Jadi ini semua ada-lah beban mengikut kebudayaan (culture), mengikut kebiasaan (tradition) yang berlaku kepada ra'ayat negeri ini ia-itu orang Asia. Dan oleh kerana itu saya pernah mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan dalam masa persidangan dahulu ia-itu perkara ini tidak patut di-abaikan oleh Kerajaan.

Apabila Kerajaan menetapkan ia-itu anak² yang di-kechualikan hanya sa-banyak 5 orang, maka ini dengan sendiri memejamkan mata kepada jumlah anak yang di-punyai oleh satu keluarga yang mempunyai anak sampai 10 orang, ada yang sampai 14 orang di-Malaya ini. Dan mungkin sa-orang perempuan yang telah mempunyai anak 2-3 orang, kemudian ia berkahwin dan dengan suami baharu ini mendapat anak pula yang jumlahnya 7 orang, jadi semua-nya 10 orang, termasuk anak² tiri ini beban yang mesti di-pertanggung jawabkan oleh sa-orang suami yang menchari wang untuk membantu keluarga, untuk menghidupkan keluarga-nya. Ini harus di-pertimbangkan oleh Kerajaan yang di-dirikan oleh ra'ayat, kerana ra'ayat dan untuk ra'ayat.

Saya faham jika Kerajaan tidak memperdulikan soal menjamin tentang nasib orang² yang ramai jumlah anak-nya ia-itu yang lebeh daripada

5 orang tidak mahu di-kechualikan, saya nampak sa-olah² Kerajaan dengan tidak langsung menyokong dengan kuat usaha² Family Planning, menjarangkan beranak (birth control). Oleh itu, nyata-lah Kerajaan dengan sa-chara tidak langsung menggunakan Family Planning ini sa-bagai membatas dan menyedarkan ra'ayat negeri ini ia-itu engkau mesti pergi kaklinik dan chuba menggunakan Family Planning, biar tinggal 5 orang sahaja anak engkau, yang lain tidak usah. Ini pada prinsip Islam ia-itu ugama rasmi negeri ini dan pada prinsip ra'ayat negeri ini yang terbanyak ada-lah salah. Sebab, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, kawinlah dan beranaklah supaya aku berbangga dengan banyak-nya umat-ku. Kalau bagitu, Kerajaan menggalakkan chara ini dengan tidak langsung, ini sangat-lah menyalahi pada prinsip Islam, kita mahu ra'ayat negeri ini banyak, dan tidak kkuatir berkenaan dengan soal ekonomi, ekonomi akan berkembang mengikut fikiran manusia kelak; yang di-izinkan oleh Islam kalau kesehatan uzur, itu boleh di-ma'afkan, tetapi jangan selalu berfikir soal ekonomi.

Oleh itu dengan chara ini Kerajaan telah mengadakan satu undang² dari segi Income tax yang di-dalam-nya telah membawa satu chara yang memberi kesedaran kepada ra'ayat: Engkau kawal dirimu, biar anak-mu 5 orang sahaja. Jadi sama-lah lebeh kurang seperti perlembagaan kominis di-Russia yang mengatakan, ugama bebas, kempen anti-ugama pun bebas. Maka yang di-bantu oleh Kerajaan ranchangan anti-ugama, maka Radio dan surat-khabar semua bekerja anti-ugama, tetapi ra'ayat yang beragama tinggal tertekan. Bagitu-lah dapat di-mithalkan ya'ani Kerajaan tidak pernah mengatakan kepada ra'ayat supaya mengikut birth control dengan undang², tetapi dengan tidak langsung di-bawa-nya supaya—sokong-lah ini. Itu-lah sahaja. Tuan Yang di-Pertua.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang yang menyokong usul ini, rasanya saya tidak-lah boleh berdiam diri

di-atas satu chara yang sama ada disengajakan atau tidak hendak menyalah fahamkan oleh Yang Berhormat Enche' Amaluddin baharu sa-kejap tadi. Saya perchaya pehak Kerajaan tidak-lah hendak champor tangan dalam perkara membiakkan anak ini, dan dalam perkara ini sa-olah² Kerajaan hendak menetapkan dengan chara tidak langsung hanya beranak 5 orang dan juga sa-olah² telah chuba membawa satu perjalanan yang berlawanan dengan ugama Islam, saya rasa itu tidak boleh timbul langsung. Dan saya perchaya Tuan Amaluddin sama juga dengan saya tidak-lah dapat berchakap dalam perkara fatua² ugama di-sini, kerana saya dan beliau tidak ka-Azhar dan ia juga tidak mendalam dalam perkara memberi fatua² yang sa-benarnya, halal atau tidak, betul atau tidak perkara kawalan beranak ini dan lain² itu.

Dengan sebab itu, saya rasa kita jangan-lah terkeliru dengan hujah² yang telah di-beri oleh Tuan Amaluddin tadi yang mana saya rasa sa-olah² hendak menarek orang ramai supaya memandang Kerajaan yang ada sekarang ini berlawanan pula membawa satu chara perjalanan yang berlawanan dengan perkara ugama yang tidak pula berbangkit langsung dalam perkara ini.

Tun Leong Yew Koh: Sir, several Honourable Members asked for further relief for the lower-income group. I suppose what they mean by "lower-income group" are those people who earn two to three hundred dollars a month.

Now, how much does such a man pay if he earns \$3,000 a year? If he is not married, all that he does is pay \$5 a month. Is that too much for a loyal citizen to pay to the Government for all the benefits he derives. If he is married, he needn't have to pay a cent—he has got all the money to maintain his aged parents, Government doesn't touch a cent of it. So I think we ought to know first of all how much a man does pay before we recommend further relief.

Nik Hassan bin Nik Yahya: Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kita hendak menuduh yang undang² ini berupa chara yang

tidak terus menyekat orang² berkahwin ramai yang di-halalkan oleh Islam, saya rasa itu satu tuduhan yang terlalu. Sebab saya kata tuduhan yang terlalu ia-lah mengikut sa-tahu saya sama ada undang² ini ada atau tidak, kemahuan manusia hendak beristeri lebeh daripada satu, ada (*Ketawa*) barangkali, anggota yang mengagong²kan Islam itu-lah yang mula² sa-kali beristeri lebeh daripada satu . . .

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, dalam perchakapan saya, saya sama sa-kali tidak mem-babitkan soal berkahwin ramai atau tidak ramai.

Nik Hassan bin Nik Yahya: sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kempen anti-Islam atau chara anti-Islam tidak berbangkit dalam negeri kita ini. Apa yang berbangkit, kita mahu ra'ayat negeri ini hidup dengan baik dan chara bersaudara yang baik. Kalau sa-orang itu hendak beranak 20 orang, itu ia punya fasal, tidak ada siapa yang menyekat atau membuat satu undang² menahan pekerjaan yang sa-umpama itu; jadi kebebasan yang sa-umpama itu ada dalam negeri kita. Oleh itu, saya rasa undang² ini sama ada di-pinda atau tidak, yang beranak lebeh daripada 10 orang, ramai. Jadi tidak-lah berbangkit chara yang terus atau tidak yang kita menggunakan birth control.

Saya rasa Dewan ini tidak payah mendengar hujah² yang berupa saperti itu yang boleh membangkit salah faham pendengar yang di-luar daripada Dewan ini, dan saya rasa patut-lah pehak yang berchakap tadi memegang sedikit kehormatan ini dan kehormatan ayat² Koran yang ia sendiri memegang-nya.

Enche' Wan Ahmad bin Wan Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini, kerana saya sendiri ada mempunyai anak lebeh daripada 5 (*Ketawa*) dan sa-tahu saya banyak lagi kawan² saya yang mempunyai anak lebeh daripada 5, tetapi orang² yang bagitu boleh di-katakan 99 peratus telah lepas sekolah yang tidak payah lagi menanggung wang persekolahannya, dan mereka telah bergaji dan ada yang membuat pekerjaan sendiri.

Dengan yang demikian, mereka boleh menolong balek ibu-bapa dan adek²-nya yang maseh bersekolah. Tidak ada hukum yang menegah daripada beranak, dan kebanyakan orang ada 4-5 orang anak sahaja. Ugama Islam tiada tegah umat-nya beranak banyak jika tiada uzur dan tujuan di-suroh berkahwin dan beranak banyak yang saya bacha ia-lah apabila musoh datang dari luar, banyak askar kita boleh tolong (*Ketawa*). Itu sebab-nya undang² ini hendak di-pinda dan tidak di-tegah oleh Al-Islam, dan sangat-lah bagus, sebab-nya Kerajaan tidak mahu benarkan lebeh daripada itu ia-lah anak² yang lebeh itu sudah berumur 20-30 tahun, mereka sudah boleh membuat kerja sendiri. Demikian-lah pendapat saya.

Enche' A. M. Abu Bakar: Mr. President, Sir, the debate on income tax relief has been going on, and in the midst of that, one of my friends brings religion into play. Sir, the Constitution has been accepted by both Opposition and the Government in power that we will not show any comparison between one community and another. As such, any law that the National Government puts in should be acceptable to all. If any relief is given because Islam says a man can have four wives and can produce many children, and so they should be given exemption from paying income tax—I don't think even the Islamic religion allows that. If a man wants to marry more than one wife, he must be able to give the second and other wives the same privileges he gives to the first wife and children, and unless he can find the means to give them all the same facilities, he cannot even marry two. He cannot marry more than one when he is not financially in a position to do so.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan ia-itu saya tidak bechakap fasal berkahwin lebeh daripada satu, saya tidak juga berchakap supaya di-adakan satu hukuman atau undang² yang menegenai ugama Islam, tidak begitu, salah pengertian apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat . . .

Mr. President: Ini bukan fasal kahwin, ini fasal pindaan.

Enche' A. M. Abu Bakar: Sir, I was taken up by what was expressed about family planning. Sir, family planning comes due to matrimonial affairs only (*Laughter*). If a man restricts to what is really needed for his human pleasure (*Laughter*) I don't think he need go to any family planning clinic to do all what is necessary to save himself from paying more income tax. Sir, as such, as we have accepted the Constitution, bringing religion into play—this is not the first time that religion has been brought in, but the second or third time—but once we have accepted at the national level that everyone in this country, every citizen should be treated on the same level, we should be one and not bring in religious considerations.

Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Enche' Wan Ahmad yang mengatakan orang yang mempunyai anak lebeh daripada 5 orang itu kebanyakan-nya sudah besar . . .

Mr. President: Chukup-lah berchakap fasal kahwin ini.

Enche' Da Abdul Jalil: ini bukan soal kahwin (*Ketawa*) ini soal berkenaan dengan anak . . .

Mr. President: Daripada kahwin itu-lah datang-nya anak (*Ketawa*).

Enche' Da Abdul Jalil: . . . umpamanya, Undang² Income Tax di-Singapura membenarkan sampai 9 orang. Maka kita di-Malaya ini patut-lah kalau dapat mengikut saperti itu, kerana keadaan kita tidak berbeza. Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi kebiasaan bagi orang Asia ini mempunyai ramai anak, orang Eropah kurang anak-nya, sebab-nya saya tidak dapat katakan, tetapi ada-lah kebiasaan . . .

Enche' J. E. S. Crawford: Mr. President, on a point of order—can the Honourable Member confirm that the European family is the lesser? (*Laughter*).

Enche' Da Abdul Jalil: itu ada-lah kebiasaan, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak orang Eropah

tidak-lah mempunyai anak sampai 12 orang, tetapi orang Asia biasanya banyak. Kebanyakan orang mempunyai anak yang banyak itu ia-lah orang yang berpendapatan rendah, maka kalau-lah Undang² Income Tax kita membenarkan sampai 9 orang, ini adalah satu kemudahan, kerana kehidupan mereka itu memang menderita, sa-kian.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

ADJOURNMENT

(Motion)

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, I beg to move,

That the House do now adjourn.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Adjourned at 12.01 p.m.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

KEMENTERIAN PERDANA MENTERI

Hadiah² Pelajaran yang di-terima oleh Kerajaan Persekutuan di-bawah Rancangan Colombo

1. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Perdana Menteri ia-itu supaya menyatakan jumlah hadiah² Pelajaran (Scholarships) yang telah di-beri oleh Badan² seperti Colombo Plan dan lain² Badan² Antara Bangsa sa-bagai bantuan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi tiap² Jabatan dari Jabatan Kerajaan.

Perdana Menteri: Jumlah hadiah² pelajaran dan latehan yang telah di-terima oleh Kerajaan Persekutuan di-bawah Rancangan Colombo dalam tahun 1960 (hingga 30 haribulan November) ia-lah 168. Hadiah² pelajaran ini telah pun di-bahagi-bahagikan ka-Pejabat² Kerajaan dan lain-lain pertubuhan (statutory bodies) seperti yang tersebut di-bawah ini:

Perkhidmatan Pentadbir	...	13
Pertanian	6
Juru Odit Negara	2
Siaran Radio	2
Kastam	3
Penerbangan Awam	6
Perdagangan dan Perusahaan	...	1
Lembaga Pusat Leterik	...	4
Kimia	5
Kemajuan Kerjasama	1
Pelajaran	30
Hal Ehwal Luar Negeri	1
Hutan	4
Penyiasatan Isi Bumi	4
Penerangan	4
Hasil Dalam Negeri	3
Buroh (termasok Kesatuan sa-Kerja)	17
Laut	1
Perubatan dan Kesihatan	16

Perbandaran, Kuala Lumpur	...	2
Pemegang Amanah Raya	...	1
Perkhidmatan Pos	1
Chitak Kerajaan	2
Kerja Raya	2
Kereta Api	15
Lembaga Kemajuan Kampong dan Perumahan	5
Talikom	14
Haiwan	3
Jumlah	...	168

Saya berdukachita tidak dapat memberi angka² bagi hadiah² pelajaran daripada Badan² Antara Bangsa yang lain kerana hadiah² itu di-tawarkan terus kepada Kementerian² yang bersangkutan.

2. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Perdana Menteri ia-itu supaya menyatakan, mengikut bangsa keturunan seperti Melayu, China, India dan lain²-nya, akan hadiah² Pelajaran bagi tiap² Jabatan itu.

Perdana Menteri: Semua hadiah² pelajaran atau latehan sama ada di-bawah Rancangan Colombo atau sa-bagai-nya ada-lah terbuka kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu atau pun orang yang berkelayakan menjadi ra'ayat Persekutuan dan mempunyai kebolehan yang chukup. Saya berdukachita tidak dapat memberi bilangan orang² yang telah mendapat biasiswa ini mengikut keturunan seperti yang di-kehendaki.

3. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Perdana Menteri ia-itu ada-kah Kerajaan berpegang kepada dasar memberi keutamaan kepada anak² Melayu dalam memberi hadiah² Pelajaran itu sa-bagaimana yang terkandung dalam Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Perdana Menteri: Hadiah² Pelajaran ini di-beri oleh negeri² luar. Oleh yang demikian tidak-lah dapat di-tentukan

supaya orang² Melayu di-beri per-untukan yang khas. Walau bagaimana pun orang² Melayu ada-lah di-utamakan sa-kira-nya mereka ada mempunyai kelayakan yang di-kehendaki.

Pegawai² Dagang dalam Pejabat Kaum Asli

4. Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali bertanya kepada Perdana Menteri, di-dalam Pejabat Kaum Asli di-Persekutuan Tanah Melayu, sudah-kah Kerajaan mengambil langkah memelayankan Pegawai² Expatriate? Kalau belum bila-kah Kerajaan hendak menjalankan-nya?

Perdana Menteri: Pada masa ini hanya ada dua orang Pegawai Dagang (expatriate) sahaja lagi di-dalam Jabatan Orang Asli di-Persekutuan Tanah Melayu, dan mereka akan bersara dalam tahun 1962 mengikut rancangan Malayansisation. Semenjak merdeka, 5 jawatan yang dahulu-nya di-isi oleh Pegawai Dagang sudah di-isi oleh Pegawai Tempatan.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Papan² nama di-Sekolah² Rendah Melayu

5. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu ada-kah beliau sedar bahawa bagi Sekolah² Rendah Melayu ada berbagai² nama di-tulis pada papan nama (sign boards) sekolah² itu seperti Sekolah Umum atau Sekolah Kebangsaan. Ada-kah ini berarti bahawa Persekutuan Tanah Melayu belum ada mempunyai satu nama yang sah pada sisi Undang² bagi Sekolah² Rendah Melayu ini.

Menteri Pelajaran (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Jawapan kepada bahagian yang pertama, ia. Berkenaan dengan bahagian yang kedua pertanyaan itu, menurut Undang² Pelajaran 1957, sa-buah sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar ada-lah ia-nya "Standard Primary School" atau "Sekolah Umum". Berhubung dengan perkara ini saya suka menarek perhatian

ahli Yang Berhormat itu kepada jawapan saya bagi pertanyaan-nya yang ketiga (Pertanyaan 7).

6. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu bagi menjaga nama baik Kerajaan Persekutuan, tidak-kah boleh di-keluarkan satu perintah supaya nama bagi Sekolah² Rendah Melayu ini di-pakai nama yang sah pada sisi Undang² dan tidak mengikut kemahuan pehak² yang bertanggung jawab bagi sekolah² itu sahaja.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan, saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada jawapan saya kepada dua pertanyaan-nya yang lain. Tujuan Kerajaan ia-lah supaya Sekolah² Rendah Melayu yang mendapat bantuan penoh yang sekarang di-kenal dengan nama Sekolah² Umum hendak-lah di-panggil Sekolah² Kebangsaan kelak. Perintah pertadbiran untuk menggunakan nama tersebut telah pun di-keluarkan pada bulan September yang lalu.

7. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu apa-kah nama yang sah bagi sisi Undang² bagi Sekolah² Rendah Melayu ini. Kenapa-kah dari selama ini nama ini tidak di-kuat-kuasakan supaya di-pakai bagi sekolah² itu.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan, sa-bagaimana telah saya nyatakan kepada pertanyaan yang pertama (Pertanyaan 5), Ahli Yang Berhormat itu, nama yang sah bagi sekolah rendah yang menggunakan bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar ia-lah "Sekolah Umum" menurut Undang² yang ada sekarang ini. Jawatan-Kuasa Menyemak Dasar Pelajaran 1960 mengeshorkan ia-itu Sekolah² Melayu yang mendapat bantuan penoh hendak-lah di-panggil dengan nama Sekolah² Kebangsaan kelak. Langkah² bagi mengubah Undang² ini akan di-ambil waktu Undang² Pelajaran yang ada sekarang ini di-pinda mengikut shor² yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa Menyemak Dasar Pelajaran.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bantuan kepada Kaum Asli

8. Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali bertanya kepada Menteri Dalam Negeri ia-itu di-dalam Rancangan Luar Bandar, ada-kah termasuk bantuan kepada Kaum² Asli:

- (a) Bantuan mengusahakan tanah² kebun.
- (b) Mengadakan sekolah² di-tem-pat² yang sesuai.
- (c) Jika ada bila-kah agak-nya rancangan itu di-jalankan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Suleiman bin Dato' Haji Abdul Rahman): In reply to a question in this House on 8th August, 1960, the Deputy Prime Minister explained that areas within the boundaries of Municipal and Town Councils and Town Boards are excluded from the Rural Development Plan. All other areas outside the boundaries of Municipal and Town Councils and Town Boards are included within the scope of the Plan; it follows therefore that aborigines living in rural areas as defined above will likewise benefit from the operation of the Rural Development Programme. Aborigines are eligible to participate together with other landless people in land development schemes, and with regard to school construction, assistance is available in remote areas outside the network of the National Educational Programme.

MINISTRY OF JUSTICE

Hukuman ka-atas Pemandu² Kereta Pirate Taxi

9. Enche' Amaludin bin Darus bertanya kepada Menteri Ke'adilan:

1. Ada-kah hukuman yang di-kenakan kepada pemandu² kereta pirate taxi dengan chara menahan lesen memandu hingga sa-tahun itu, seperti yang sedang berjalan pada masa ini di-Kelantan, sedang di-jalankan juga di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini.

2. Jika ya, ada-kah Kerajaan sedar bahawa hukuman menahan lesen memandu sa-lama sa-tahun itu ada-lah sangat berat bagi sa-orang ra'ayat yang mata pencharian-nya ia-lah hanya dengan memandu kereta; dan ada-kah Kerajaan akan menimbangkan perkara menukar hukum itu kepada satu hukum yang lain.

3. Jika pertanyaan nombor 1 itu jawab-nya tidak, apa-kah sebab-nya di-Kelantan sedang di-jalankan hukuman seperti ini.

Menteri Ke'adilan (Tun Leong Yew Koh): Soalan nombor (1) ada-lah tidak terang tentang perkataan "hukuman"; hukuman Mahkamah-kah atau hukuman Jabatan Pengangkutan Jalan Raya yang di-maksudkan itu? Saya perchaya yang di-maksudkan itu ia-lah hukuman Mahkamah di-bawah section 74 (2) dan 92 (1), Road Traffic Ordinance, 1958; undang² ini berkehendakkan kereta² yang mengambil sewa itu mempunyai insurance bagi pangkat tiga (third party) dan di-lesenkan sa-bagai kereta sewa atau taxi. Hukuman yang berkenaan itu di-jalankan di-seluruh Persekutuan.

2. Ini ada-lah terpulang kepada Mahkamah untuk menjalankan kuat-kuasanya seperti di-kehendaki oleh undang² tersebut. Kerajaan tidak bermaksud hendak menhadangkan supaya undang² ini di-pinda.

3. Perkara ini tidak berbangkit.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT² KERJASAMA

Galakan yang di-beri kepada Penanam pokok buah-buahan dan ternakan

10. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama ia-itu ada-kah dasar Kerajaan hendak menggalakkan penanam buah-buahan dalam negeri dan ternakan² dalam negeri sudah di-jalankan.

Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama (Enche' Abdul Aziz bin

Ishak): Ada-lah menjadi dasar pertanian bagi Kerajaan Perikatan sentiasa menggalakkan penanaman pokok² buah-buahan. Buah-buahan ada-lah terletak di-bawah keutamaan pertanian yang terkemuka bagi Kementerian Pertanian. Bukan sahaja Kementerian ini menggalakkan penanam pokok² buah-buahan yang tinggi hasilnya malah memberi nasihat² per-chuma melalui perkhidmatan penyebaran pengetahuan dari Jabatan Pertanian di-samping alat² pertanian dengan harga yang murah kepada penanam² buah-buahan di-Persekutuan. Sa-lain dari itu, pertunjukan² tentang teknik²-nya juga di-adakan oleh Jabatan Pertanian di-atas tanah² di-mana pokok² yang sudah tua dan tidak berhasi lagi itu di-buang dan di-tanam dengan tunas² chantuman mengikut chara² baharu.

Ya, dasar Kerajaan menggalakkan penternakan sedang terus di-jalankan dan keistimewaan sedang di-buat se-karang ini untuk memajukan, dengan sa-penoh² dan sa-chepat²-nya, perusahaan² penternakan babi, ayam dan kambing. Di-samping perhatian istimewa di-beri ka-arrah kemajuan ini, usaha² juga di-jalankan untuk memajukan penternakan lembu dan kerbau.

Angka² di-bawah ini menunjukkan banchi ternakan bagi tahun 1955 dan tahun 1960:

	1955	1960	% Ber-tambah
Kerbau ...	242,592	269,708	11.2
Lembu ...	278,998	308,209	10.5
Kambing...	268,077	270,781	.1
Biri ² ...	26,691	37,044	38.7
Babi ...	403,643	437,991	8.5

Jadual di-atas menunjukkan ternakan yang telah bertambah walaupun penyembelehan² saperti angka² yang ber-ikut di-lakukan tiap² tahun untuk pasaran:

Kerbau	24,000
Lembu	35,000
Kambing	...	80,000
Biri ²	42,000
Babi	600,000

11. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama ia-itu supaya menyatakan berapa-kah luas tanaman buah-buahan dalam negeri ini yang telah dapat di-laksanakan oleh Kerajaan dan berapa banyak-kah ternakan² dalam negeri yang telah dapat di-lakukan oleh Kerajaan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Jumlah luas-nya tanah² yang di-tanam dengan berbagai² buah-buahan pada akhir tahun 1959 ia-lah 214,660 ekar. Dalam dusun² pula biasa-nya pokok² buah-buahan yang di-tanam ada-lah ber-champur² dan di-anggar sa-luas 97,160 ekar. Chatetan² yang berdasarkan pem-bahagian bahan² tanaman oleh Jabatan Pertanian dalam masa lima tahun yang lepas menunjukkan lebeh kurang 6,400 ekar di-tanam dengan pokok² buah-buahan saka sa-bagai hasil dari usaha² Kerajaan. Dalam masa lima tahun itu juga Jabatan Pertanian telah mem-bahagi²kan berpuluh² ribu bahan² ta-naman saperti anak² nenas, anak² pisang dan lain² yang tidak termasuk dalam bahagian saka.

Jumlah binatang² ternakan di-tangan Kerajaan Persekutuan pada 31-10-60 saperti berikut:

Kerbau	Lembu	Kambing	Babi
505	792	327	54

Sa-lain dari binatang² ini, ada lagi beberapa banyak kambing², biri² dan kerbau² yang di-beri kepada ra'ayat dengan jalan pawah oleh Kerajaan² Negeri.

12. Enche' Amaludin bin Darus bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama berapa-kah banyak-nya perbelanjaan yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan kerana ke-majuan ternakan saperti kerbau, lem-bu, babi, kambing dan ayam dalam tahun 1959 dan 1960, dan sebutkan jumlah perbelanjaan tiap² satu jenis itu dan negeri² mana yang telah men-dapat hasil pembahagian ranchangan memajukan ternakan itu mengikut tiap² jenis-nya.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan dalam tahun 1959 dan 1960 ada-lah seperti berikut:

	Kerbau	Lembu	Babi	Kambing	Ayam
1959	—	—	—	—	—
1960	\$63,495	\$10,000	\$788.25	—	—

Perbelanjaan mengenai kerbau itu ia-lah untuk Rancangan Pemeliharaan Kerbau Persekutuan di-Pahang.

Sungguh pun ta' ada perbelanjaan sa-chara langsung mengenai kambing dan ayam bagi tahun 1960, tetapi sayugia di-terangkan bahawa sa-banyak \$18,400 telah di-keluarkan untuk memberi lathen kepada ra'ayat berkenaan dengan penternakan ayam dan kambing.

Perbelanjaan bagi tahun 1960 mengenai lembu dan babi itu ia-lah untuk pembelian binatang tersebut bagi Pusat² Penternakan Persekutuan.

1959	Bilangan	Impot dari
Lembu ...	—	—
Kambing ...	1	Australia
Babi ...	3	Singapore
1960		
Lembu ...	—	Singapore
Kambing ...	31	Indonesia
Babi ...	16	Singapore

14. Enche' Amaludin bin Darus bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama, dari tahun 1959 sampai tahun 1960, berapa banyak orang yang telah mendapat faedah langsung dari rancangan Kerajaan menghadiahkan baka² ternakan yang baik itu serta sebutkan satu persatu mengikut jenis binatang bagaimana Pertanyaan 12 dan 13 di-atas dan tunjukkan jumlah orang² itu bagi tiap² negeri.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Binatang² yang berikut telah di-jual oleh Pusat² Penternakan Persekutuan di-Kluang dan Paroi kepada Kerajaan Negeri sama ada untuk di-jual sa-mula

Semua jumlah² di-atas itu ia-lah perbelanjaan Persekutuan. Bagaimana pun jumlah yang di-belanjakan oleh Negeri² tidak-lah di-maksudkan dan ta' kurang pula jumlah-nya untuk rancangan pemeliharaan kerbau, lembu, kambing dan ayam dengan jalan pawah atau bantuan yang sedang di-jalankan di-hampir tiap² Negeri.

13. Enche' Amaludin bin Darus bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama berapa banyak baka² kerbau, lembu, babi, kambing dan ayam yang telah di-masokkan ka-dalam Persekutuan dalam tahun 1959 dan 1960 serta sebutkan tiap² satu jenis-nya dan dari negeri mana baka² binatang itu telah di-dapati dan kepada negeri² mana dalam Persekutuan yang telah di-bahagi²kan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Binatang² ternakan di-bawah ini ia-lah di-impot ka-dalam Persekutuan:

Impot ka-	
Pahang	Di-beli oleh orang ² sendiri
C.A.H.S.	Di-beli oleh Kerajaan Persekutuan untuk pemeliharaan
Johor 214	Di-beli oleh orang ² sendiri
C.A.H.S. 20	Di-beli oleh Kerajaan Persekutuan untuk pemeliharaan
C.A.H.S.	" "
C.A.H.S.	" "

kapada petani² atau di-bahagi²kan di-bawah rancangan bantuan Negeri:

1959	Bilangan	Di-jual kepada
Lembu ..	41	Kedah/Perlis 24, Kelantan 15 dan Trengganu 2
Kambing ..	30	Kedah/Perlis 6, Perak 11, Pahang 5, Pulau Pinang 3, Negri Sembilan 3, Trengganu 1 dan Selangor 1
1960		
Lembu ..	58	Kedah/Perlis 32, Kelantan 17, Negri Sembilan 9, Selangor 4, Perak 3 dan Johor 3
Kambing ..	27	Kedah/Perlis 14, Negri Sembilan 5, Pulau Pinang 4, Selangor 3 dan Perak 1
Kerbau ..	200	Pahang

Di-samping bilangan ini, beberapa ramai ra'ayat yang telah mendapat faedah di-hampir tiap² Negeri dari rancangan pawahan kerbau, lembu, biri² dan kambing yang di-jalankan oleh Negeri² itu.